

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : TUAN R. SIVARASA
KAWASAN : SUBANG

SOALAN:

YB. TUAN R. SIVARASA (SUBANG) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kos pembinaan dan kos penyelenggaraan/operasi bagi Lebuhraya Utara Selatan (PLUS), Lebuhraya Link Kedua (LINKEDUA), Lebuhraya Utara Selatan Lingkaran Tengah (ELITE), Lebuhraya Butterworth-Kulim (BKE), Lebuhraya Seremban-Port Dickson (SPDH), Lebuhraya Shah Alam (KESAS), Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) dan Lebuhraya Pintas Selat Klang Utara Baru (NNKSB) serta pendapatan mereka melalui kutipan tol dan pampasan Kerajaan setakat ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat berkaitan 8 lebuh raya sebagaimana dipohon itu ialah seperti berikut:

1. Lebuh Raya Utara Selatan (PLUS):

- Kos Pembinaan: RM5.94 bilion
- Tahun Mula Operasi: 1989
- Jumlah Kutipan Tol (sehingga 31 Disember 2014): RM33.85 bilion
- Kos Operasi dan Penyelenggaraan (O&M) (sehingga 31 Disember 2014): RM15.05 bilion
- Jumlah Pampasan Tol Tunai (sehingga 31 Disember 2014): RM917.1 juta.

2. Lebuh Raya Laluan Kedua Malaysia Singapura (LINKEDUA):

- Kos Pembinaan: RM1.03 bilion
- Tahun Mula Operasi: 1998
- Jumlah Kutipan Tol (sehingga 31 Disember 2014): RM1.22 bilion
- Kos Operasi dan Penyelenggaraan (O&M) (sehingga 31 Disember 2014): RM528.13 juta
- Jumlah Pampasan Tol Tunai (sehingga 31 Disember 2014): RM40.6 juta.

3. Lebuh Raya Utara Selatan Lingkaran Tengah (ELITE):

- Kos Pembinaan: RM1.25 bilion
- Tahun Mula Operasi: 1997
- Jumlah Kutipan Tol (sehingga 31 Disember 2014): RM3.05 bilion
- Kos Operasi dan Penyelenggaraan (O&M) (sehingga 31 Disember 2014): RM964.16 juta
- Jumlah Pampasan Tol Tunai (sehingga 31 Disember 2014): RM14.7 juta.

- 4. Lebu Raya Butterworth – Kulim (BKE):**
 - Kos Pembinaan: RM255.8 juta
 - Tahun Mula Operasi: 1997
 - Jumlah Kutipan Tol (sehingga 31 Disember 2014): RM495 juta
 - Kos Operasi dan Penyelenggaraan (O&M) (sehingga 31 Disember 2014): RM161.47 juta
 - Jumlah Pampasan Tol Tunai (sehingga 31 Disember 2014): RM24.6 juta.

- 5. Lebu Raya Seremban - Port Dickson (SPDH):**
 - Kos Pembinaan: RM224.6 juta
 - Tahun Mula Operasi: 1997
 - Jumlah Kutipan Tol (sehingga 31 Disember 2014):
 - Kos Operasi dan Penyelenggaraan (O&M) (sehingga 31 Disember 2014): RM291 juta*
[*kos ini dikira mulai April 2005, iaitu selepas SPDH diambil alih oleh PLUS]
 - Jumlah Pampasan Tol Tunai (sehingga 31 Disember 2014): RM0.28 juta

- 6. Lebu Raya Shah Alam (KESAS):**
 - Kos Pembinaan: RM1.12 bilion
 - Tahun Mula Operasi: 1997
 - Jumlah Kutipan Tol (sehingga 31 Disember 2014): RM272 juta
 - Kos Operasi dan Penyelenggaraan (O&M) (sehingga 31 Disember 2014): RM790.7 juta
 - Jumlah Pampasan Tol Tunai (sehingga 31 Disember 2014): RM103.1 juta.

- 7. Lebu Raya Damansara - Puchong (LDP)**
 - Kos Pembinaan: RM1.08 bilion
 - Tahun Mula Operasi: 1999
 - Jumlah Kutipan Tol (sehingga 31 Disember 2014): RM3.113 bilion
 - Kos Operasi dan Penyelenggaraan (O&M) (sehingga 31 Disember 2014): RM1.437 bilion
 - Jumlah Pampasan Tol Tunai (sehingga 31 Disember 2014): RM889.43 juta.

8. Lebuhraya Pintas Selat Klang Utara Baru (NNKSB):

- Kos Pembinaan: RM320 juta
- Tahun Mula Operasi: 2002
- Jumlah Kutipan Tol (sehingga 31 Disember 2014): RM3.85 juta
- Kos Operasi dan Penyelenggaraan (O&M) (sehingga 31 Disember 2014): RM282.76 juta
- Jumlah Pampasan Tol Tunai (sehingga 31 Disember 2014): RM79.85 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kutipan tol yang tinggi yang diterima oleh sesebuah syarikat konsesi itu tidak bermakna mereka mengaut keuntungan yang besar, sebaliknya ia perlu dibelanjakan untuk pelbagai komitmen lain. Secara purata syarikat konsesi perlu membayar balik pinjaman kepada institusi pemberi pinjaman atau bank sebanyak 50% daripada hasil kutipan tol yang diperoleh, operasi dan penyelenggaraan (20%), kos untuk membaik pulih dan menaik taraf lebuhraya (15% hingga 20%). Manakala hasil pulangan atau keuntungan kepada pemegang saham atau 'shareholders' ialah dianggarkan sebanyak 10% sahaja daripada hasil kutipan tol keseluruhan.

Sekian. Terima kasih.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : TUAN MANIVANAN A/L
GOWINDASAMY [KAPAR]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

**Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] minta MENTERI
PENDIDIKAN menyatakan :-**

- (a) langkah-langkah yang telah diambil untuk menangani masalah pengurusan penyelenggaraan dan pembaikan infrastruktur beberapa sekolah di Sarawak, seperti yang didedahkan dalam Laporan Ketua Audit 2014; dan
- (b) menerangkan kebaikan atau kekuatan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) berbanding dengan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan menjelaskan kenapa masih terdapat 41% guru sains di negara yang tidak mempunyai Ijazah Sarjana Muda.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Kerja-kerja pembaikan bagi perkara-perkara yang perlu dilaksanakan dalam tempoh tanggungan kecacatan pengurusan penyelenggaraan dan pembaikan infrastruktur beberapa sekolah di Sarawak sepertimana teguran Laporan Ketua Audit Tahun 2014 telah selesai dilaksanakan pada tahun 2015.